

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN [KOTA BHARU]

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

- (a) statistik terkini pemilikan rumah oleh rakyat Malaysia mengikut pecahan kaum dan pendapatan isi rumah di seluruh negara; dan
- (b) statistik pemilikan rumah oleh warga asing mengikut warganegara.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

JAWAPAN (A)

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian tidak mempunyai data mengikut pecahan seperti mana yang dimohon oleh Yang Berhormat. Buat masa ini Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan kerjasama Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC) sedang membangunkan ***Housing Integrated Management System (HIMS)*** iaitu sistem maklumat perumahan yang lebih menyeluruh dan dijangka siap menjelang Oktober 2020. Walau bagaimanapun, berdasarkan statistik oleh Jabatan Perangkaan

Malaysia, pemilikan rumah oleh warganegara dan bukan warganegara Malaysia mengikut pecahan kaum adalah seperti berikut:

Jumlah Isi Rumah Persendirian Mengikut Pemilikan Rumah (Memiliki) dan Kumpulan Etnik Ketua Isi Rumah, 2010

Kumpulan Etnik	Pemilikan rumah
Melayu	1,966,937
Cina	1,011,214
Bumiputera lain	388,391
India	249,616
Lain-lain	18,069
A. Warganegara Malaysia	3,634,227
B. Bukan Warganegara Malaysia	106,197
JUMLAH	3,740,424

Sumber: Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2010 (Jabatan Perangkaan Malaysia)

JAWAPAN (B)

- Untuk makluman Yang Berhormat juga, statistik pemilikan rumah oleh warga asing mengikut kewarganegaraan adalah seperti berikut:

Jumlah Isi Rumah Persendirian (Bukan Warganegara) Mengikut Negara, 2010

Negara	Jumlah
Indonesia	49,421
Filipina	16,785
China	6,345
India	4,818
Thailand	3,778
Singapura	3,091

NO SOALAN : 196

Bangladesh	2,553
Myanmar	1,518
Pakistan	1,225
Cambodia	1,200
Brunei Darussalam	129
Jepun	568
Nepal	795
Vietnam	370
Lain-lain negara	8,440
Tidak Diketahui	5,161
Jumlah	106,197

Sumber: Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2010 (Jabatan Perangkaan Malaysia)

Sekian, terima kasih.